

UMS bolot Anugerah Best Career Development Centre Universiti Awam

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sedang meniti kecemerlangan menerusi pencapaian membanggakan sejak akhir-akhir ini dengan memenangi beberapa anugerah yang membanggakan di pameran dan majlis anugerah sama ada di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa.

Terbaru, UMS memenangi anugerah Best Career Development Centre Universiti Awam pada Majlis Malaysia's 100 Leading Graduate Employer Awards 2015 yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Center.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun berkata, beliau sangat berbangga dengan kejayaan yang dikehendaki UMS memenangi anugerah itu.

"Kita berusaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan UMS dengan menganjurkan pelbagai pameran kerjaya serta hubungan baik dengan industri dalam menyediakan keperluan graduan kita menjalani latihan industri," jelas Harun menerusi laman rasmi Facebooknya.

Menurut Pengarah Pusat Hubungan Industri (PHI) UMS, Prof. Madya Dr. How Siew Eng, kejayaan ini memberikan keyakinan kepada fakulti bahawa graduan UMS dapat memenuhi keperluan sumber manusia yang diperlukan pihak industri.

"Fokus yang dijalankan oleh PHI sekarang ini ialah membina hubungan yang lestari bersama pihak industri. Ini termasuk juga aktiviti yang dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak," katanya selepas menerima



DR. HOW SIEW ENG mewakili UMS menerima anugerah Best Career Development Centre Universiti Awam.

anugerah itu.

Anugerah disampaikan oleh Malaysian Talent Development-Graduate Employability Unit, Talent Corporation, Siti Norliza Mohd Sahar.

"Kemenangan yang diraih pada hari ini juga merupakan hasil tinjauan dari GTI Media dan penglibatan

dalam program bersama Talent Corporation Berhad," jelasnya.

Kejayaan yang disandang UMS turut mendapat perhatian dan ucapan tahniah daripada Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh menerusi laman Facebook dan Twitternya.